

13 JUN 2003

PERSATUAN AIR MALAYSIA SAMBUT BAIK BEKALAN AIR DIURUS KERAJAAN PUSAT

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Persatuan Air Malaysia (MWA) hari ini menyokong cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Kerajaan Negeri mengkaji tanggungjawab mereka untuk membekalkan air.

"MWA menyokong penuh kenyataan Perdana Menteri itu memandangkan pembekalan air membabitkan perbelanjaan modal yang tinggi yang harus ditangani dengan serius untuk kemudahan semua pihak," menurut Presidennya Datuk Syed Muhammad Shahabudin dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata MWA bersedia membantu kerajaan untuk memastikan isu itu ditangani dan diselesaikan tanpa menyusahkan para pengguna.

Rabu lepas, Perdana Menteri menggesa Kerajaan Negeri supaya mengkaji sekiranya mereka mahu terus memikul tanggungjawab untuk membekalkan air di negeri masing-masing memandangkan kos pembangunan infrastruktur untuk projek bekalan air yang amat tinggi.

Selain itu, MWA turut menggesa kerajaan membuat kajian terperinci mengenai aspek pentadbiran dan kewangan yang membabitkan sumber bekalan air secara keseluruhan bagi mewujudkan pengurusan air yang lebih cekap pada masa hadapan.

-- BERNAMA

SNS AHH AZH PR